

PELAN STRATEGIK BAHAGIAN AKAUN

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA

2025 - 2029




KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Akaun
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya



PELAN STRATEGIK BAHAGIAN AKAUN

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA

2025 - 2029

SIDANG EDITORIAL

PENERBITAN

Bahagian Akaun,
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

PENAUNG

YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot

PENASIHAT

YBrs. Encik Surrendren Sathasivam

KETUA EDITOR

Dr. Shahril bin Baharim

EDITOR

Encik Farithal bin Sahari
Encik Mazlan bin Abdullah
Puan Diana binti Basiruddin
Cik Nur Huda binti Adris
Puan Norulhuda binti Ab Hafidz
Puan Jojo Lizawaty binti Salim
Puan Naileh binti Liging
Puan Izzati Nadia binti Mohamad

JURU FOTO

Encik Mohd Sharin bin Md Salim
Cik Hazrina binti Abdul Halim
Puan Noor Rohayati binti Muda



KANDUNGAN

SIDANG EDITORIAL	II
KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA	IV
KATA ALUAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)	V
RINGKASAN EKSEKUTIF	VI
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Fungsi Bahagian Akaun	6
1.2 Struktur Organisasi Bahagian Akaun	8-9
1.3 Bidang Keberhasilan Utama Bahagian Akaun	10
1.4 Objektif Strategik	11
1.5 Ekosistem Pelan Strategik	12
2.0 MERUMUS STRATEGI	13
2.1 Menentukan Strategi	14
3.0 OBJEKTIF STRATEGIK I	15
Meningkatkan keberkesanan dalam perancangan dan pelaksanaan dasar Kementerian melalui pelaporan pengurusan	
4.0 OBJEKTIF STRATEGIK II	19
Amalan operasi perakaunan yang mematuhi Akta Tatacara Kewangan 1957 dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa	
5.0 OBJEKTIF STRATEGIK III	31
Penyediaan Penyata Kewangan yang tepat dan relevan bagi tujuan pembuatan keputusan oleh pemegang taruh	
6.0 PENILAIAN PRESTASI DAN PELAPORAN	37

KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Bahagian Akaun di bawah Kementerian ini berjaya menghasilkan **Pelan Strategik 2025 - 2029** sebagai panduan hala tuju dalam memperkukuh kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan kewangan sektor awam.

Dalam era transformasi perkhidmatan awam yang semakin mencabar, keupayaan untuk merancang dan melaksanakan strategi secara sistematik adalah amat penting. Justeru, pelan strategik ini menjadi manifestasi kesungguhan Bahagian Akaun dalam memperkukuh tadbir urus kewangan, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, serta memastikan integriti dan akauntabiliti dalam setiap aspek pengurusan kewangan.

Saya percaya bahawa pelan strategik ini bukan sekadar dokumen perancangan, tetapi satu komitmen berterusan ke arah kecemerlangan. Ia menggariskan matlamat, objektif dan tindakan yang jelas, berpaksikan kepada nilai profesionalisme, inovasi dan tadbir urus yang baik. Dengan adanya hala tuju yang tersusun ini, saya yakin Bahagian Akaun akan terus maju ke hadapan.

Saya menyeru kepada seluruh warga Bahagian Akaun untuk menjadikan pelan strategik ini sebagai rujukan utama dalam merancang dan melaksanakan tugas masing-masing. Kejayaan dalam mencapai aspirasi ini hanya akan dapat direalisasikan melalui kesepaduan usaha, komitmen yang tinggi dan semangat kerja berpasukan yang jitu.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam penyediaan pelan strategik ini. Semoga ia menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pengurusan kewangan di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan perkhidmatan awam serta kesejahteraan negara.

YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



KATA ALUAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

Salam sejahtera,

Saya dengan penuh rasa syukur dan bangga ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Akaun atas kejayaan menerbitkan **Pelan Strategik 2025 - 2029** ini. Dokumen ini bukan sekadar perancangan bertulis, tetapi suatu kompas yang akan membimbing kita dalam memperkukuh sistem pengurusan kewangan, mempertingkatkan kecekapan operasi, dan memastikan integriti dalam setiap aspek pentadbiran kewangan Kementerian.

Dalam dunia yang bergerak pantas dan mencabar, pengurusan kewangan sektor awam perlu sentiasa dinamik, responsif dan inovatif. Pelan strategik ini dirangka dengan visi yang jelas dan strategi yang pragmatik bagi memastikan Bahagian Akaun terus relevan dan berdaya saing dalam menyokong agenda Kementerian. Pendekatan yang lebih proaktif, penggunaan teknologi yang berkesan, serta peningkatan kompetensi tenaga kerja menjadi tunjang kepada kejayaan pelaksanaan pelan ini.

Saya percaya bahawa keberhasilan pelan ini bergantung kepada iltizam dan kesungguhan kita semua. Setiap warga Bahagian Akaun memainkan peranan penting dalam merealisasikan hala tuju yang digariskan. Oleh itu, saya mengajak semua pihak untuk menjadikan pelan ini sebagai rujukan utama dalam merancang tindakan, melaksanakan tugas, dan menilai pencapaian. Komitmen dan kerjasama semua adalah kunci kejayaan kita.

Akhir kata, tahniah dan syabas kepada semua yang telah terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik ini. Semoga ia menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan kewangan di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

YBrs. Encik Surrendren Sathasivam
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam tempoh lima tahun akan datang, Bahagian Akaun Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (BA MOTAC) akan meneroka pencapaian baharu dengan memberi tumpuan secara proaktif terhadap perkhidmatan, kualiti, dan inisiatif inovasi. BA MOTAC akan mendokong bidang berimpak tinggi berkaitan pengurusan kewangan yang selaras dengan visi dan misi Kementerian.

Pelan strategik ini menetapkan 3 objektif strategik, 7 strategi dan 24 inisiatif untuk dilaksanakan bagi mencapai kejayaan yang dihasratkan. Sebagai peta hala tuju untuk tempoh lima tahun akan datang, pelan strategik ini akan menjadi panduan dalam membuat keputusan, mempengaruhi tindakan, serta membangkitkan keyakinan terhadap misi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.



Pelan strategik ini akan menjadi asas kepada BA MOTAC dalam menghasilkan maklumat perakaunan dan kewangan yang tepat, relevan dan boleh dipercayai bagi merealisasikan visi dan misi Kementerian dengan lebih cemerlang.

1.0

PENGENALAN

Bahagian Akaun komited dalam melaksanakan pelan strategik yang sejajar dengan visi dan misi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

VISI MOTAC

Malaysia - Destinasi Lestari Kaya Budaya




MISI MOTAC

Memperkasakan Ekosistem Industri Pelancongan Dan Kebudayaan Yang Inklusif



NILAI BERSAMA MOTAC





Bagaimana Bahagian Akaun Menyumbang Ke Arah Pencapaian Visi dan Misi MOTAC?

Penyediaan Maklumat Kewangan Yang Relevan:

Kecekapan dalam penyediaan laporan pengurusan akan dipertingkatkan untuk menyokong pengubalan dasar oleh MOTAC.

Tadbir Urus dan Integriti Menerusi Pematuhan Peraturan Kewangan:

Tahap kepatuhan terhadap peraturan kewangan dan perakaunan dalam kalangan pegawai kewangan di MOTAC akan meningkat melalui latihan dan bimbingan berterusan.

Peningkatan Kecekapan Operasi Kewangan:

Mewujudkan persekitaran kerja yang berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti dan menggalakkan inovasi dalam sistem perakaunan Kerajaan serta menyediakan ekosistem kerja yang selamat, kondusif dan produktif bagi mempertingkatkan operasi perakaunan di MOTAC.

Dengan pelaksanaan pelan strategik ini, Bahagian Akaun akan bertindak untuk memastikan tadbir urus kewangan yang cekap dan telus di MOTAC bagi menyokong kemajuan industri pelancongan dan kebudayaan negara.

1.1

FUNGSI BAHAGIAN AKAUN





1.2

STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN AKAUN





Kemaskini pada 20 Mei 2025

Penjawatan Sedia Ada: 23 orang

1.3

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA
BAHAGIAN AKAUN

**MAKLUMAT PERAKAUNAN
DAN KEWANGAN YANG
TEPAT, RELEVAN
DAN BOLEH
DIPERCAYAI**

1.4

OBJEKTIF STRATEGIK

OBJEKTIF STRATEGIK I

Meningkatkan keberkesanan dalam perancangan dan pelaksanaan dasar Kementerian melalui pelaporan pengurusan yang tepat dan relevan

OBJEKTIF STRATEGIK II


Amalan operasi perakaunan yang mematuhi Akta Tatacara Kewangan 1957 dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa

OBJEKTIF STRATEGIK III

Penyediaan Penyata Kewangan yang tepat, relevan dan mudah difahami bagi tujuan pembuatan keputusan oleh pemegang taruh

1.5

EKOSISTEM PELAN STRATEGIK





2.0

MERUMUS STRATEGI

Menggunakan kaedah analisis SWOT untuk mengenal pasti **Kekuatan** (*Strengths*), **Kelemahan** (*Weaknesses*), **Peluang** (*Opportunities*), dan **Ancaman** (*Threats*) yang mana digabungkan untuk merumus strategi dan merancang inisiatif supaya Bahagian Akaun bergerak dengan berkesan dalam persekitaran dinamik, iaitu:

- i. **Kekuatan [S]** dengan **Peluang [O]** untuk memanfaatkan kelebihan;
- ii. Atasi **Kelemahan [W]** dengan **Peluang [O]** untuk pertumbuhan;
- iii. Gunakan **Kekuatan [S]** bagi mengurangkan **Ancaman [T]**; dan
- iv. Kurangkan **Kelemahan [W]** bagi menghadapi **Ancaman [T]**.

2.1 MENENTUKAN STRATEGI



3.0

OBJEKTIF STRATEGIK I

Meningkatkan keberkesanan dalam perancangan dan pelaksanaan dasar Kementerian melalui pelaporan pengurusan



OBJEKTIF STRATEGIK I

STRATEGI PERTAMA

Melakukan penanda aras dengan pihak industri/ agensi melalui sesi libat urus.

HURAIAN STRATEGI

Strategi ini memfokuskan kepada penanda aras dengan pihak luar dan industri bagi membolehkan MOTAC **mengenalpasti amalan terbaik** dalam melaksanakan urusan perakaunan dan kewangan.

MENGAPA STRATEGI INI PENTING?

Strategi ini penting bagi membolehkan MOTAC mengadaptasi inovasi dan teknologi kewangan terkini, mengoptimumkan pengurusan sumber, serta meningkatkan daya saing dan kredibiliti dalam pengurusan perakaunan dan kewangan. Ini selanjutnya akan membantu dalam **meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan** perakaunan dan kewangan MOTAC.

INISIATIF

- i. Sesi libat urus dengan pihak industri/ agensi.
- ii. Menyediakan SOP Operasi Perakaunan untuk prosedur sokongan bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015

PETUNJUK PRESTASI

- i. Bilangan sesi libat urus.
- ii. Bilangan persijilan.

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
Melakukan penanda aras dengan pihak swasta/ industri	Mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri/ agensi	SPP	Bilangan Sesi	10	2	2	2	2	2
	Menyediakan SOP Operasi Perakaunan untuk prosedur sokongan bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	SPP	Bilangan Persijilan	3	1	-	1	-	1



4.0

OBJEKTIF STRATEGIK II

Amalan operasi perakaunan yang mematuhi Akta Tatacara Kewangan 1957 dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa

OBJEKTIF STRATEGIK II

STRATEGI KEDUA

Mempelbagai skop tugas pegawai dan kakitangan.

HURAIAN STRATEGI

Strategi ini memfokuskan kepada mempelbagaikan skop tugas pegawai dan kakitangan menerusi inisiatif seperti latihan silang, penugasan bergilir dan pemeraksanaan peranan bagi **meningkatkan fleksibiliti, kecekapan** serta mengurangkan kebergantungan kepada individu tertentu dalam organisasi.

MENGAPA STRATEGI INI PENTING?

Strategi ini penting bagi meningkatkan kemahiran pekerja, memastikan kesinambungan operasi, mengurangkan risiko kekosongan jawatan kritikal serta memperkukuh daya saing organisasi melalui **tenaga kerja yang lebih serba boleh dan adaptif**.

INISIATIF

- i. Menyusun semula struktur Bahagian Akaun.
- ii. Melaksanakan pusingan tugas pegawai Bahagian Akaun.

PETUNJUK PRESTASI

- i. Bilangan penyusunan semula.
- ii. Bilangan pusingan.

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
Mempelbagai skop tugas pegawai dan kakitangan.	Menyusun semula struktur Bahagian Akaun	SPKP	Bilangan Penyusunan Semula	1	1	-	-	-	-
	Melaksanakan pusingan tugas pegawai Bahagian Akaun	SPKP	Bilangan Pusingan Tugas	2	1	-	-	1	-

OBJEKTIF STRATEGIK II

STRATEGI KETIGA

Meningkatkan kompetensi dan kecekapan pegawai melalui latihan dan bimbingan di dalam dan luar negara.

HURAIAN STRATEGI

Strategi ini memfokuskan kepada **program latihan dan bimbingan yang berkualiti tinggi** di dalam dan luar negara. Ini bagi memastikan pegawai memperoleh kemahiran terkini dan meningkatkan pengetahuan pegawai MOTAC mengenai bidang perakaunan dan kewangan.

MENGAPA STRATEGI INI PENTING?

Strategi ini penting bagi **meningkatkan kepakaran pegawai** menerusi pendedahan di peringkat industri dan global dan pemindahan pengetahuan (*transfer of knowledge*) untuk meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan tugas.

INISIATIF

- i. Melaksanakan program/ kursus/ latihan perakaunan dan kewangan.
- ii. Melaksanakan sesi *coaching* oleh pegawai berpengalaman bagi memanfaatkan pengalaman kepada kakitangan bawahan.

PETUNJUK PRESTASI

- i. Bilangan program/ kursus/ latihan.
- ii. Bilangan sesi.

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
Meningkatkan kompetensi dan kecekapan pegawai melalui latihan dan bimbingan di dalam dan luar negara.	Melaksanakan program/ kursus/ latihan perakaunan dan kewangan	SPL	Bilangan Program/ Kursus/ Latihan	50	10	10	10	10	10
	Melaksanakan sesi <i>coaching</i> oleh pegawai berpengalaman bagi memanfaatkan pengalaman kepada kakitangan bawahan	SPL	Bilangan Sesi <i>Coaching</i>	20	4	4	4	4	4

OBJEKTIF STRATEGIK II

STRATEGI KEEMPAT

Mengaplikasi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara optimum.

HURAIAN STRATEGI

Strategi ini memfokuskan **penggunaan perisian dan teknologi yang cekap**, latihan tenaga kerja serta integrasi sistem bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan proses kerja perakaunan dan kewangan di MOTAC.

MENGAPA STRATEGI INI PENTING?

Strategi ini penting bagi meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan kos, mempercepatkan proses kerja dan **memastikan MOTAC sentiasa di hadapan dalam mengaplikasi teknologi** yang pesat berkembang.

INISIATIF

- i. Menggunakan *audit tools* iaitu *Audit Command Language (ACL)* dengan memberi fokus kepada analisis strategik ke atas *anomalies* dan *red flag*.

PETUNJUK PRESTASI

- i. Bilangan semakan data.

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
Mengaplikasi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara optimum.	Menggunakan <i>audit tools</i> iaitu <i>Audit Command Language</i> (ACL) dengan memberi fokus kepada analisis strategik ke atas <i>anomalies</i> dan <i>red flag</i>	SNP	Bilangan Semakan Data ACL	60	12	12	12	12	12

OBJEKTIF STRATEGIK II

STRATEGI KELIMA

Melakukan inovasi digital dalam operasi terimaan dan bayaran MOTAC.

HURAIAN STRATEGI

Strategi ini memfokuskan kepada operasi terimaan dan bayaran MOTAC **melibatkan automasi proses, penggunaan pembayaran tanpa tunai dan integrasi sistem pintar** bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan serta pengalaman pengguna yang lebih baik.

MENGAPA STRATEGI INI PENTING?

Strategi ini penting bagi mempercepat transaksi, mengurangkan risiko kesilapan manusia, meningkatkan ketelusan kewangan dan memastikan sistem pembayaran yang lebih **selamat dan mudah diakses** oleh pelanggan serta pihak berkepentingan.

INISIATIF

- i. Melaksanakan inovasi digital dalam operasi terimaan atau bayaran MOTAC.

PETUNJUK PRESTASI

- i. Bilangan PTJ.

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
Melakukan inovasi digital dalam operasi terimaan dan bayaran MOTAC.	Melaksanakan inovasi digital dalam operasi terimaan atau bayaran Kementerian	SPL	Bilangan PTJ	35	35	-	-	-	-

OBJEKTIF STRATEGIK II

STRATEGI KEENAM

Melaksanakan naziran dan khidmat nasihat sebagai langkah pencegahan terhadap penemuan naziran berulang.

HURAIAN STRATEGI

Strategi ini memfokuskan kepada pemantauan secara berkala dan pemberian khidmat nasihat bagi memastikan pematuhan dan **mengenal pasti kelemahan awal** dalam operasi perakaunan dan kewangan. Pendekatan ini membantu MOTAC memperbaiki sesuatu isu supaya tidak berulang.

MENGAPA STRATEGI INI PENTING?

Strategi ini penting bagi **mengurangkan risiko ketidakpatuhan berulang**, meningkatkan kecekapan operasi dan memastikan kawalan dalaman yang lebih kukuh. Ia juga dapat membina budaya kerja berintegriti dan berakauntabiliti.

INISIATIF

- i. Melaksanakan naziran pematuhan bagi mengurangkan penemuan berulang.
- ii. Melaksanakan khidmat nasihat.
- iii. Menyediakan arahan operasi kepada pemegang taruh.

PETUNJUK PRESTASI

- i. Bilangan PTJ.
- ii. Peratus pertanyaan dijawab dalam masa 3 hari bekerja.
- iii. Bilangan arahan operasi.

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
Melaksanakan naziran dan khidmat nasihat sebagai langkah pencegahan terhadap penemuan naziran berulang.	Melaksanakan naziran pematuhan bagi mengurangkan penemuan berulang	SNP	Bilangan PTJ	45	9	9	9	9	9
	Melaksanakan khidmat nasihat	SPL	Peratus Pertanyaan Dijawab Dalam Masa 3 Hari Bekerja	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	Menyediakan arahan operasi kepada pemegang taruh	SPL	Bilangan Arahan Operasi	5	1	1	1	1	1



vation

○

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

▲

ideas

strategy

success

plan

teaching

manager

5.0

OBJEKTIF STRATEGIK III

Penyediaan Penyata Kewangan yang tepat dan relevan bagi tujuan pembuatan keputusan oleh pemegang taruh

OBJEKTIF STRATEGI III

STRATEGI KETUJUH

Menyediakan laporan yang tepat, relevan dan berdasarkan *real time* data yang mudah difahami untuk pembuatan keputusan.

HURAIAN STRATEGI

Strategi ini memfokuskan penggunaan sistem analitik data yang cekap, automasi laporan dan integrasi teknologi digital bagi memastikan data yang dikumpul tepat, terkini dan mudah difahami untuk menyediakan **laporan bagi memenuhi keperluan pemegang taruh** di dalam dan luar MOTAC.

MENGAPA STRATEGI INI PENTING?

Strategi ini penting bagi pemegang taruh dapat membuat **keputusan berasaskan sumber data yang tepat**, meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan risiko kesilapan dan mempercepat tindakan strategik oleh MOTAC.

INISIATIF

- i. Menyediakan Penyata Kewangan MOTAC
- ii. Menyediakan Laporan *Strategic Management Accounting Report* (SMART) termasuk Analisis Pengurusan Kos (MyCost)
- iii. Menganalisis data-data kewangan bagi tujuan pengeluaran lesen syarikat *Malaysia My Second Home* (MM2H) oleh Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan (BPPP)
- iv. Menyediakan maklumat operasi perakaunan untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

- v. Menyediakan Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JKPPA)
- vi. Menyediakan Laporan Akaun Belum Terima (ABT)
- vii. Memastikan 100% hasil dan terimaan bukan hasil MOTAC diperakaunkan
- viii. Memastikan 100% pelaporan bulanan berkaitan terimaan hasil dan bukan hasil MOTAC disediakan
- ix. Memastikan 100% urusanniaga bayaran MOTAC diproses dan diperakaunkan
- x. Memastikan 100% pelaporan bulanan berkaitan urusanniaga bayaran disediakan
- xi. Memastikan 100% emolumen kakitangan dibayar mengikut Jadual Pembayaran Gaji
- xii. Mengawalselia aliran tunai bank terimaan dan bayaran MOTAC melalui penyediaan Penyata Penyesuaian Bank setiap bulan
- xiii. 100% aset MOTAC diperakaunkan (Aset Alih dan Aset Tak Alih)

PETUNJUK PRESTASI


- i. Bilangan Penyata Kewangan
- ii. Bilangan Laporan
- iii. Peratus Laporan Berdasarkan Permohonan
- iv. Bilangan Laporan JKPA
- v. Bilangan Laporan JKPPA
- vi. Bilangan Laporan ABT
- vii. Peratus Transaksi Hasil diperakaunkan
- viii. Peratus Laporan diperakaunkan
- ix. Peratus Transaksi Bayaran
- x. Peratus Laporan Bulanan dikeluarkan
- xi. Peratus Emolumen Kakitangan
- xii. Bilangan Penyata Penyesuaian
- xiii. Peratus Aset diperakaunkan

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
Menyediakan laporan yang tepat, relevan dan berdasarkan real time data yang mudah difahami untuk pembuatan keputusan.	Menyediakan Penyata Kewangan MOTAC	SPKP	Bilangan Penyata Kewangan	60	12	12	12	12	12
	Menyediakan Laporan <i>Strategic Management Accounting Report</i> (SMART) termasuk Analisis Pengurusan Kos (MyCost)	SPP	Bilangan Laporan	10	2	2	2	2	2
	Menganalisis data-data kewangan bagi tujuan pengeluaran lesen syarikat <i>Malaysia My Second Home</i> (MM2H) oleh Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan (BPPP)	SPP	Peratus Laporan Berdasarkan Permohonan	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	Menyediakan maklumat operasi perakaunan	SPP	Bilangan Laporan	20	4	4	4	4	4

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
	untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)								
	Menyediakan Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akaun (JKPPA)	SPP	Bilangan Laporan	10	2	2	2	2	2
	Menyediakan Laporan Akaun Belum Terima (ABT)	SPKP	Bilangan Laporan	10	2	2	2	2	2
	Memastikan 100% hasil dan terimaan bukan hasil MOTAC diperakaunkan	SPKP	Peratus Transaksi Hasil	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	Memastikan 100% pelaporan bulanan berkaitan terimaan hasil dan bukan hasil MOTAC disediakan	SPKP	Peratus Laporan	100%	100%	100%	100%	100%	100%

Strategi	Inisiatif	Seksyen	KPI	Sasaran 2025-2029	2025	2026	2027	2028	2029
	Memastikan 100% urus niaga bayaran MOTAC diproses dan diperakaunkan	SPKP	Peratus Transaksi Bayaran	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	Memastikan 100% pelaporan bulanan berkaitan urus niaga bayaran disediakan	SPKP	Peratus Laporan	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	Memastikan 100% emolumen kakitangan dibayar mengikut Jadual Pembayaran Gaji	SPKP	Peratus Emolumen Kakitangan	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	Mengawal selia aliran tunai bank terimaan dan bayaran MOTAC melalui penyediaan Penyata Penyesuaian Bank setiap bulan	SPKP	Bilangan Penyata Penyesuaian	60	12	12	12	12	12
	100% aset MOTAC diperakaunkan (Aset Alih dan Aset Tak Alih)	SPKP	Peratus Aset	100%	100%	100%	100%	100%	100%

PENILAIAN PENCAPAIAN PRESTASI DAN PELAPORAN KEPADA PEMEGANG TARUH



Analisis dan kajian semula strategi dan inisiatif akan dilakukan setiap penghujung tahun bagi menilai sama ada terdapat pindaan yang perlu dilakukan untuk tahun berikutnya. Seterusnya penilaian pencapaian prestasi dilakukan dengan membezakan pencapaian sebenar dan sasaran yang ditetapkan. Pencapaian dan pindaan strategi dan inisiatif (sekiranya ada) ini akan dilaporkan kepada pemegang taruh pada awal tahun.



Sekalung Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada KSU MOTAC, YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot dan TKSU (Pengurusan) MOTAC, YBr. Encik Surrendren Sathasivam atas sokongan yang telah diberikan bagi pembangunan Pelan Strategik 2025-2029 Bahagian Akaun Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Penghargaan ini juga turut diberikan kepada semua warga Bahagian Akaun atas sumbangan dan kerjasama yang diberikan sepanjang perjalanan dalam menerbitkan pelan ini. Semoga hasil usaha ini mendapat manfaat dan seterusnya mengangkat martabat Bahagian Akaun dalam menyediakan maklumat perakaunan dan kewangan yang tepat, relevan dan boleh dipercayai kepada pemegang taruh MOTAC.



